




ZULFAQAR International Journal of Defence Management, Social Science & Humanities

Journal homepage: www.zulfaqar.upnm.edu.my



Konflik Palestin dan Israel: Peperangan dan Diplomasi yang Tiada Penghujung? *Palestine and Israel: Endless War and Diplomacy?*

Azrul Azlan Abdul Rahman^{a,*}, Muhammad Farhan Zulkifli^b, Rohaimi Rastam^c

^a *Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*

^b *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

^c *Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Corresponding author: azrulazlan@upnm.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:

Received

01-06-2018

Received in revised

03-09-2018

Accepted

09-11-2018

Available online

31-12-2018

Keywords:

konflik Israel-Palestin,
perang,
diplomasi,
intifada,
Pertubuhan Bangsa-
bangsa Bersatu

*Israeli-Palestinian conflict,
war,
diplomacy,
intifada,
United Nations*

e-ISSN:

Type: Article

ABSTRACT

Pertikaian berterusan antara Israel dan Palestin yang bermula semenjak pertengahan abad ke-20, mencetus apa yang dipanggil sebagai konflik Israel-Palestin. Pertikaian ini mendapat julukan "konflik paling rumit", dengan kegiatan penempatan berterusan penduduk Israel di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza. Israel dan Palestin tidak mencapai kata sepakat sekalipun proses damai jangka panjang dan perdamaian umum Israel dengan Mesir dan Jordan dilaksanakan. Makalah ini menelusuri konflik sepanjang tahun 1947 hingga 2000. Dengan menggunakan kaedah kualitatif analisis dijalankan terhadap perjanjian damai yang digunakan untuk menyelesaikan peperangan tersebut dan persoalan mengenainya dinyatakan didalam makalah ini. Akhirnya dapatan daripada makalah ini konflik akan terus berlaku kerana tujuan peperangan antara Israel dan Palestin adalah tidak jelas dan perlu adanya perundingan yang telah disepakati dari pihak Israel mahupun Palestin sebagai komitmen untuk mencapai perdamaian.

The controversial dispute between Israel and Palestine, which began in the mid-20th century, prompted the so-called Israeli-Palestinian conflict. The dispute came to be the epithet of the "most complicated conflict", with the continued settlement of the Israeli population in the West Bank and the Gaza Strip. Israel and Palestine have not reached a consensus despite the long-term peace process and Israel's common peace with Egypt and Jordan. This paper traces the conflict throughout the years 1947 to 2000. Using the qualitative methods of analysis carried out on the peace agreement used to resolve the war and the question of it is stated in this paper. Finally, the findings of this paper conflict will continue to occur because the purpose of the war between Israel and Palestine is unclear and the need for negotiations agreed upon by both Israel and Palestine as a commitment to achieving peace

© 2018 UPNM Press. All rights reserved.

Pengenalan

Agama Islam mengajarkan bahawa kezaliman yang ditimpakan kepada umatnya tidak boleh membuat umatnya berpaling dari bersikap dan berpandangan adil. Dalam memandangkan konflik Arab-Israel selama ini sudahkah para pengkaji bersikap adil? Umat Islam juga diajarkan oleh agama, kalau terjadi pertikaian antara seorang muslim dan bukan muslim, umat Islam dilarang membela salah satu pihak berdasarkan

persamaan agamanya tanpa melihat fakta dan permasalahannya agar tidak jatuh dalam penghakiman yang tidak berdasarkan sejarah dan fakta. Konflik Arab dan Israel mungkin dapat disebut sebagai konflik yang terpanjang di dunia kerana hingga saat ini, belum terdapat jalan perdamaian antara pihak yang bersengketa. Konflik Arab dan Israel sebenarnya merupakan konflik antara Israel dengan Palestin, namun Palestin yang merupakan bangsa Arab dibantu oleh bangsa Arab lainnya dalam menghadapi Israel sehingga disebut sebagai konflik Arab dengan Israel tetapi kini, tumpuan lebih kepada Palestin-Israel. Keterlibatan bangsa Arab yang lain dalam konflik ini pada awalnya, ditimbulkan oleh ketidaksetujuan mereka terhadap penempatan Israel di tanah Arab Palestin. Konflik Arab dengan Israel tidak dapat dilepaskan dari pendirian negara Israel pada tahun 1917 melalui Deklarasi Balfour (Schulze, 1999, p.3-5). Hal ini dapat dilihat melalui mandat British ke atas wilayah itu untuk menjadikan Palestin sebuah negara merdeka. Namun, dalam kenyataannya British ternyata memberikan hak kepada bangsa Yahudi untuk mendirikan negara di wilayah itu melalui Deklarasi Balfour (Lewis, 2014, p.15). Deklarasi ini secara tidak langsung mengundang kehadiran Israel di Timur Tengah menjadi kukuh kerana sudah mendeklarasikannya dalam bentuk negara sementara Palestin masih merupakan bangsa yang belum memiliki negara bahkan pemerintahan. Konflik bermula apabila penduduk Israel yang kian bertambah, telah mencetuskan perebutan wilayah antara orang Israel dan orang Palestin sejak tahun 1945 (Schneer, 2010, p.6). Walau bagaimanapun, konflik sejarah ini merupakan rentetan daripada sejarah antara Arab dan Israel yang terdahulu. Siri peperangan Palestin dan Israel dan dijelaskan secara ringkasnya berdasarkan jadual dibawah:

Jadual 1: Siri peperangan Palestin dan Israel

Tahun	Perperangan
1948-1949	Perang Arab-Israel Pertama
1956	Perang Suez
1967	Perang Enam Hari
1973	Perang Yom Kippur
1987-1993	Intifada Pertama
2000-2004	Intifada Kedua

Perang Arab-Israel Pertama 1948

Pada bulan November 1947, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengeluarkan Resolusi 181 yang memutuskan untuk membahagikan tanah Palestin menjadi dua bahagian iaitu Yahudi dan Palestin (Tamari, 2017, p.56). Dalam resolusi itu, 33 buah negara telah mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara, 13 negara pula menentang penubuhannya dan 10 negara tidak bertindak mana-mana pihak dalam erti kata yang lain sebagai negara yang “*neutral*” (Schulze, 1999, p.3-5). Orang – orang Yahudi menerima akan keputusan tersebut tetapi Palestin serta negara – negara Arab lainnya menolak. Pada tanggal 14 Mei 1948, satu hari sebelum berakhirnya mandat Inggeris, Israel yang diketuai oleh David Ben Gurion mendeklarasikan kemerdekaan ke atas wilayah yang diperuntukkan bagi mereka dalam resolusi 181 dan menjadi negara Israel merdeka (Adian Husaini, 2004, p.3). Keesokan harinya Liga Arab melayangkan protes rasmi ke PBB di atas berdirinya negara Israel. Dalam keadaan melulu Israel telah melakukan pelan perdamaian untuk mendirikan negara Palestin merdeka. Pakatan antara tentera Mesir, Jordan, Syria dan Iraq telah menyerang wilayah yang diperuntukkan untuk negara Palestin oleh *The United Nations Special Committee for Palestine* (UNSCOP) (Schulze, 1999, p.3-5). Serangan ini telah membawa kepada teretusnya Perang Arab-Israel 1948 kerana dengan menduduki wilayah yang diperuntukkan bagi negara Palestin merdeka, negara-negara Arab ini tidak berpuas hati akan petempatan Israel di Palestin.

Namun, pakatan antara Liga-Liga Arab ini menempuh kegagalan dalam peperangan tersebut. Pasukan Israel berjaya mematahkan serangan yang dikenakan ke atasnya dan secara langsung berjaya menguasai wilayah yang telah diduduki oleh Israel. Kemenangan Israel juga, membuat mereka menguasai sebahagian besar wilayah yang seharusnya diperuntukkan bagi negara Palestin yang diduduki oleh tentera pakatan Arab (Shlaim, 2014, p.270). Hasilnya, sebahagian kecil wilayah di bahagian Barat Daya (Gaza) telah dikuasai oleh Mesir. Namun begitu, sebahagian kecil wilayah di bahagian Timur (Nablus, sebahagian Jerusalem dan Hebron yang disebut Tebing Barat) dikuasai oleh Jordan (Stein, 1999, p.47-48). Sejak bermulanya konflik ini, orang Palestin tidak pernah berkuasa ke atas kedaulatan negara mereka.

Dalam perang tersebut sekitar 70 0000 rakyat Palestin meninggalkan wilayah yang dikuasai oleh Israel dan menjadi penghuni tetap. Sebahagian daripada penghuni ini meninggalkan tanah Palestin

kerana kekalahan tentera Arab. Sebahagian penghuni tetap masih bertahan di tanah Palestin adalah kerana takut akan kerosakan yang ditimbulkan oleh tentera Israel (Stein, 1999, p.47-48). Penduduk Arab Muslim yang tidak meninggalkan wilayah yang dikuasai Israel akhirnya menjadi warga negara Israel hingga sekarang dan merupakan minoriti terbesar di dalam negara Yahudi tersebut dengan jumlah hampir 20 peratus daripada keseluruhan penduduk Israel (Schulze, 1999, p.14-15). Perang berakhir dengan perjanjian gencatan senjata antara Israel dan negara-negara Arab yang berjiran pada tahun 1949. Dalam perjanjian tersebut juga termetrai batas baru wilayah negara Israel (*green line*) yang diakui pada peringkat antarabangsa (Stein, 1999, p.64). Sempadan baru negara Israel yang termetrai ini, termasuklah wilayah yang berjaya dikuasai Israel dalam Perang 1948 (sebahagian wilayah yang tadinya diperuntukkan sebagai negara Palestin).

Krisis Terusan Suez 1956

Krisis terus terjadi antara Israel dan dunia Arab dalam rentetan perang 1948 antaranya berkaitan dengan krisis Terusan Suez. Krisis ini bermula Mesir telah mengambil tindakan dengan menutup Teluk Aqabah, jalur perdagangan laut yang menghubungkan Israel dengan Laut Merah (Schulze, 1999, p.31-32). Tindakan ini membuatkan perjalanan ke Terusan Suez amat sukar dan menyebabkan ekonomi Israel bertambah berat kerana perdagangan yang dijalankan oleh Israel tidak berjalan dengan lancar apabila Mesir menutup jalan perairannya (Pierre, 2014, p.18). Tambahan pula, Israel yang dibantu oleh Perancis dan Inggeris akhirnya, melancarkan serangan terhadap Mesir pada tanggal 29 Oktober 1956 (Stein, 1999, p.48-49). Matlamat kerjasama itu, telah membuatkan Israel menjajah Sinai dan sementara itu, Inggeris bersama Perancis telah menguasai Terusan Suez. Hanya dalam beberapa hari sahaja, Israel berhasil menguasai Gaza dan Semenanjung Sinai. Secara tidak langsung kedua-dua wilayah tersebut, terpaksa diserahkan oleh Mesir kepada Israel. Hal ini kerana pada masa itu, Mesir dengan sedaya-upayanya mempertahankan Terusan Suez daripada pihak Inggeris dan Perancis. Resolusi PBB pada tanggal 2 November 1956 memerintahkan agar krisis di Terusan Suez ditamatkan (Schulze, 1999, p.30).

Di samping itu, pasukan British dan Perancis diperintahkan untuk berundur daripada wilayah Mesir, sementara Israel disarankan berundur kembali ke garis gencatan senjata 1948 (Dietl, 2008, p.259-273). Hasil daripada saranan itu, Mesir berjanji untuk mencegah gerakan Gerila pejuang Palestin dari Semenanjung Gaza (Dietl, 2008, p.259-273). Mesir juga sepakat untuk menempatkan pasukan keamanan antarabangsa di perbatasan Gaza. Tidak hanya itu, hak pelayaran melalui Teluk Aqabah kembali dimiliki Israel. Perang ini menandai berakhirnya masa penjajahan Inggeris dan Perancis di kawasan itu. Amerika Syarikat dan Soviet Union tampil menggantikan peranan yang sebelum ini dimainkan oleh British dan Perancis, untuk menjadikan daerah itu sebagai medan persaingan (Dietl, 2008, p.259-273). Kesan positifnya, perang ini menimbulkan simpati negara-negara Arab dan Islam terhadap Mesir. Para pimpinan Mesir terutama Gamal Abdul Al-Nassir, kemudiannya menjadi tokoh utama dalam usaha perbalahan dan pertahanan Arab (Dietl, 2008, p.259-273).

Perang Enam Hari 1967

Perang Arab dan Israel 1967 atau lebih dikenali sebagai Perang Enam Hari merupakan peperangan antara Israel menghadapi gabungan tiga negara Arab iaitu Mesir, Jordan, dan Syria (Sachar 2013, p.56). Peperangan ini disebabkan oleh ketidakpuasan orang Arab atas kekalahannya dalam Perang Arab-Israel tahun 1948 dan 1956. Akibat daripada Krisis Suez tahun 1956, walaupun Mesir kalah, namun mereka menang dalam hal politik negaranya. Tekanan diplomatik dari Amerika Syarikat dan Soviet Union memaksa Israel untuk berundur dari Semenanjung Sinai. Setelah perang tahun 1956, Mesir setuju atas keberadaan pasukan perdamaian PBB di Sinai, iaitu United Nations Emergency Force (UNEF) untuk memastikan kawasan tersebut bebas daripada tentera dan juga menghalang gerakan gerila yang cuba bertindak terhadap Israel, sehingga perdamaian antara Mesir dan Israel terwujud dalam satu tempoh yang singkat (Sachar 2013, p.63). Pada bulan Mei tahun 1967, Mesir mengusir UNEF dari Semenanjung Sinai (Schulze 1999, p.30). UNEF telah bertapak di kawasan tersebut sejak tahun 1957 kerana serangan ke atas Semenanjung Sinai oleh Israel tahun 1956. Mesir mempersiapkan pasukan tenteranya di sempadan Sinai dan menghalang Selat Tiran iaitu pintu masuk menuju Teluk Aqaba terhadap kapal Israel dan mengajak negara-negara Arab lainnya untuk bersatu melawan Israel (Shemesh 2007, p.34).

Sehubungan dengan itu, pada 5 Jun 1967, Israel melancarkan serangan awal terhadap pengkalan angkatan udara Mesir kerana bimbang akan terjadinya serangan yang akan dilakukan oleh Mesir (Harun

Yahyah 2005, p.55). Lantas dengan kejadian itu, Jordan menyerang Jerusalem Barat disebabkan tindakan Gamal Abdul Al-Nasser melobi pemimpin negara itu iaitu Raja Hussein (Reich 1995, p.97-100). Pada akhir peperangan, Israel telah membesarkan wilayahnya apabila dapat menguasai Jerusalem Timur, Semenanjung Gaza, Dataran Sinai, Tebing Barat, dan Dataran Tinggi Golan. Hasil daripada peperangan ini, mempengaruhi geopolitik kawasan Timur Tengah sehingga ke hari ini.

Perang Yom Kippur 1973

Peperangan ini berlaku pada 10 Ramadhan 1393 bersamaan 6 Oktober hingga 22 Oktober 1973 (Quandt 2005, p.40). Konflik Arab dan Israel berlaku sejak 1948 selepas negara Israel ditubuhkan. Pada Jun 1967 berlaku Perang Enam Hari antara Israel dengan Mesir, Syria dan Jordan serta negara Arab lain seperti Sudan, Tunisia, Maghribi dan Algeria turut memberi bantuan ketenteraan (Rabinovich 2017, p.183). Dalam Perang Enam Hari ini, Israel berjaya menduduki Bukit Golan Syria dan Semenanjung Sinai di Mesir hingga ke Terusan Suez. Selepas itu Israel membina barisan pertahanan di Sinai dan Bukit Golan (Bregman & Ahron 2002, p.143). Mereka memperuntukkan tidak kurang USD 500 juta untuk membina kubu yang diperbuat daripada pasir sepanjang 160 km. Kubu ini dipanggil "Garis Bar Lev" turut disokong dengan dinding konkrit. Binaan daripada pasir menyebabkan ia bertahan daripada serangan udara dan kereta kebal Mesir. Ia disifatkan oleh Menteri Pertahanan Israel sebagai kubu anti kereta kebal terbaik di dunia (Bregman & Ahron 2002, p.149).

Presiden Mesir Anwar Sadat yang menggantikan Gamal Abdul Nasser pada 1970, bertekad melawan Israel dan menawan kembali Sinai yang ditawan Israel pada 1967 (Zamri Zainal Abidin, 2010, p.163). Pada 1972 Anwar Sadat mengumumkan Mesir sedia berperang dan menyediakan tentera, jet-jet pejuang MiG-23, roket SAM6, RPG-7 dan peluru berpandu anti kereta kebal Sagger (Quandt 2005, p.40). Tentera Mesir dan Syria menyerang Israel serentak pada hari perayaan Yahudi Yom Kippur. Mesir menyerang kubu sekitar Terusan Suez dan Sinai sementara Syria menyerang kubu di Bukit Golan dan Israel mengalami kekalahan teruk (Bar-Joseph 2012, p.90). Walau bagaimanapun, Mesir gagal menembusi kubu pasir Bar Lev walaupun menggunakan teknologi ketenteraan yang mahal. Amerika Syarikat membekalkan senjata kepada Israel selepas tiga minggu peperangan dan mereka berjaya mengundurkan tentera Arab dan merampas kembali Sinai dan Bukit Golan.

Berikutan dalam kegagalan Perang Yom Kippur, hubungan Mesir dan Israel telah mengalami perubahan mendadak. Pada tahun 1979, Mesir adalah negara pertama yang menandatangani perjanjian perdamaian dengan Zionis Israel melalui pengantaraan Amerika Syarikat. "Perjanjian Perdamaian Camp David" ditandatangani pada tanggal 17 September 1978 di "White House" yang diselenggarakan untuk 'perdamaian' di Timur Tengah (La Guardia 2001, p.264-265). Presiden Amerika Syarikat Jimmy Carter memimpin perundingan rahsia yang berlangsung selama 12 hari antara Presiden Mesir Anwar Sadat dan Perdana Menteri Israel Menachem Begin. Perjanjian ini dinamai "Camp David" kerana pertemuan antara pemimpin Mesir dan Zionis Israel dilakukan di tempat istirahatnya para presiden Amerika Syarikat, iaitu Camp David di Frederick County, Maryland. Perjanjian ini kemudiannya membawa secara langsung kepada Perjanjian Damai Israel dengan Mesir pada tahun 1979 (La Guardia 2001, p.285-286).

Gerakan 'Intifada' Pertama 1987-1993

Intifada berasal daripada bahasa Arab *intifadlah* dari asal kata *nafadla* yang berarti gerakan, goncangan, revolusi, pembersihan, kebangkitan, dan gerakan yang diiringi dengan kepantasan serta kekuatan (Mahmud Bakyr, 2003, p.1015). Intifada Pertama merujuk kepada sebuah kelompok perjuangan Palestin yang keluar dari Gerakan Fatah. Pada tahun 1985, Israel mengeluarkan satu polisi mengenai ekonomi dan menambah penempatan-penempatan Yahudi dimana Menteri Ekonomi dan Kewangan Israel, Gad Ya'acobi menyifatkan polisi tersebut sebagai satu proses kepada penambahan menyumbang kepada peningkatan ketenteraan di dalam masyarakat Palestin (Mohd Roslan Mohd Nor, 2010, p.73-92). Berikutan itu, kereta kebal tentera Israel telah masuk ke kem pelarian Jabalya yang terletak di Gaza serta Intifada Pertama Palestin berlaku akibat daripada tindakan sebuah trak Israel melanggar 13 orang rakyat Palestin yang menyebabkan kematian 4 orang dan 9 orang lagi parah (Mohd Roslan Mohd Nor, 2010, p.73-92). Di sebabkan peristiwa ini, Usrah Ikhwanul Muslimin telah diarahkan bertindak. Maka selepas solat Subuh 9 Disember 1987 berlakunya satu perarakan besar-besaran yang menentang tindakan trak Israel tersebut (Zainur Rashid, 2009, p.52-53). Tunjuk perasaan tersebut telah merebak bukan sahaja ke

wilayah Gaza tetapi juga ke bahagian Tebing Barat. Intifada ini merupakan tindakan kali pertama rakyat Palestin bergabung bagi menentang tindakan Israel. Intifada ini juga, telah menyebabkan Israel berundur dari menduduki Gaza walaupun senjata rakyat Palestin adalah batu semata-mata. Intifada ini dikenali sebagai *Atfal Al-Masjid* (kanak-kanak masjid) dan juga *Atfal Al-Hijarah* iaitu kanak-kanak batu (Samoha, 2002, p.484).

Sejak dari awal Intifadah, tentera Israel menggunakan kekerasan bagi menentang para pejuang Intifadah yang mana kebanyakan mereka terdiri daripada kanak-kanak Palestin dan juga para remaja yang melontarkan batu ke arah mereka. Di antara tahun 1987 hingga 1993, lebih 1000 rakyat Palestin dibunuh dan 10 000 lagi cedera (Gelvin, 2005, p.69). Manakala beribu-ribu lagi rakyat Palestin dipenjarakan di Israel dan ramai penduduk Palestin menjadi pelarian (Mohsen Mohammed Saleh, 2002, p.22-27).

Pada 14 Disember tahun yang sama, Ikhwanul Muslimin di Gaza telah mengumumkan penubuhan *Harakah Al-Muqawamah Al-Islamiyyah* atau Hamas yang dipelopori oleh Syeikh Ahmad Yassin (La Guardia, 2001, p.293). Intifada yang pertama kali meletus, Palestin berperang tanpa persenjataan dan tanpa dibantu oleh negara-negara Arab sekitarnya. Saat itu, rakyat Palestin tidak memiliki kemudahan dan kecanggihan apapun dalam perjuangan membebaskan negara mereka melawan tentera Zionis (La Guardia, 2001, p.300). Mereka bersenjatakan batu untuk membela diri dan menyerang musuh. Perjanjian Oslo menandakan penamatan intifada rakyat Palestin buat pertama kalinya. Perjanjian Oslo ditandatangani pada September 1993 oleh Yasser Arafat dengan wakil Yahudi iaitu Yitzhak Rabin di Washington (Reich, 1995, p.229-230). Perjanjian ini telah memberi kuasa kepada pihak berkuasa Palestin untuk mengambil tindakan terhadap rakyat Palestin terutamanya Hamas yang tidak mengakui Israel (Hilde, 2008, p.54-65). Palestine Liberation Organization (PLO) telah menjadi pembelot rakyat Palestin apabila membekalkan maklumat kepada Israel tentang pergerakan perjuangan rakyat Palestin. Ramai rakyat Palestin telah ditangkap oleh pihak berkuasa dan pihak berkuasa Palestin pada masa itu kerana telah menjadi tali barut Israel (Schulze, 1999, p.80-81). Wang datang mencurah-curah dari Barat sehingga Yasser Arafat sendiri telah menjadi jutawan (Schulze, 1999, p.80-81).

Di antara kesan Intifadah Pertama ialah rakyat Palestin memperlihatkan kepada dunia bahawa mereka mampu untuk menentang penjajahan Israel tanpa bergantung kepada bantuan luar. Selain itu, kegagalan polisi integrasi ekonomi menyebabkan kemerosotan imej Israel di persada antarabangsa dan menyebabkan Amerika Syarikat mengiktiraf *Palestine Liberal Organization* (PLO) sebagai wakil penduduk Palestin dan juga memaksa Yitzhak Rabin berunding dan berdialog dengan PLO (Mohsen Mohammed Saleh, 2002, p.30-36).

Oslo merupakan taktik Israel untuk membersihkan tangan mereka dari pembunuhan rakyat Palestin. Hal ini adalah kerana selepas Perjanjian Oslo, yang membunuh rakyat Palestin adalah kerajaan mereka sendiri (Behrendt, 2007, p.99). Yasser Arafat menandatangani Oslo dengan membelakangi rakan seperjuangannya yang lain dan juga membelakangi perjuangan terhadap Baitul Maqdis dan juga Masjid Al-Aqsa (Behrendt, 2007, p.99). Selepas Perjanjian Oslo, satu persatu negara Islam datang merayu kepada negara Israel untuk menjadi rakan negara itu, walaupun sebelum 1967 mereka merupakan musuh ketat Israel (Behrendt, 2007, p.99). Kini, antara rakan Israel dari negara Islam yang dapat dilihat ialah Arab Saudi, Jordan, Mesir, Kuwait, dan banyak lagi (Reich, 1995, p.252-254). Mereka ini semua telah mengkhianati perjuangan Islam dengan menjalinkan hubungan dengan Israel. Bagi Hamas tindakan Fatah menandatangani Perjanjian Oslo merupakan tindakan memalukan rakyat Palestin. Intifada Pertama ini telah melonjakkan nama Hamas ke tahap tertinggi apabila mendapat sokongan ramai rakyat Palestin dan juga menandakan kekecewaan rakyat Palestin terhadap perjuangan golongan sekular.

Gerakan 'Intifada' Kedua 2000-2004

Punca Intifadah Kedua ialah pada 28 September 2000, Perdana Menteri Israel Ariel Sharon telah melakukan lawatan ke *Temple Mount* yang juga dikenali sebagai *Haram El-Sharif* di Masjid Al-Aqsa (Jones, 2005, p.91). Walaupun tempat tersebut telah dikuasai oleh Israel sejak Perang Enam Hari pada tahun 1967, namun lawatan tersebut telah menimbulkan kemarahan umat Islam kerana tempat tersebut (Masjid Al-Aqsa) merupakan tanah suci ketiga bagi umat Islam. Sehari selepas peristiwa tersebut, iaitu pada 29 September 2000, berlaku rusuhan selepas solat Jumaat di Kota Lama Jerusalem. Perusuh telah membalik batu ke arah *Temple Mount* dan menyebabkan tentera Israel bertindak dengan membunuh 7 orang perusuh yang merupakan penduduk Palestin (Zainur Rashid, 2009, p.34).

Sharon, di bawah kawalan 1200 orang polis memasuki Masjid al-Aqsa, suatu tempat yang suci bagi orang Islam. Setiap orang, termasuk para pemimpin Palestin dan rakyat Palestin menyatakan bahawa masuknya Sharon ke tempat suci ini, merupakan suatu perbuatan yang terlarang bagi bukan Islam (Harun Yahaya, 2002, p.17). Hal ini merupakan provokasi yang dirancang untuk mempertegangkan keadaan yang sudah meruncing. Tindakan Sharon, jelas-jelas membangkitkan sentimen serta menyemarakkan api kemarahan rakyat Palestin. Di samping itu juga, kenyataan Ehud Barak yang mengumumkan bahawa Jerusalem mungkin dibahagi dua dan akan diadakan perundingan dengan orang-orang Palestin, seolah-olah menyetujui tindakan yang dilakukan oleh Ariel Sharon (Harun Yahaya, 2002, p.18).

Pada 28 September 2000, Intifada Kedua tercetus dipimpin oleh Hamas (Nusse, 2004, p.108) PLO dan Hamas bertentangan dari segi ideologinya. PLO lebih memilih untuk berdialog daripada berperang. Pada 26 Oktober 2004, gigihnya perjuangan Intifada Kedua membuatkan Israel berundur dari Semenanjung Gaza. Pada 11 Nov 2004 Yaser Arafat meninggal. Kepimpinan PLO digantikan oleh Mahmoud Abbas. September 2005, dengan pengunduran tentera Israel dari Semenanjung Gaza, merupakan satu kejayaan bagi para pejuang Palestin setelah 38 tahun berada dalam konflik. Namun, Israel terus melancarkan serangan ke atas Semenanjung Gaza. Selain itu, Israel mendirikan tembok-tembok pembatas yang menunjukkan bahawa antara Israel dan Palestin mempunyai kewilayahan yang besar. Jelas ketara apabila dengan adanya tembok pembatasan itu, Israel cuba untuk memperluaskan sempadan penempatan orang-orang Yahudi.

Jelas ketara adalah, kesan intifadah kedua ialah ekonomi Israel telah menurun terutamanya dalam sektor perlancongan. Menurut Israel Chamber of Commerce, sektor perlancongan Israel terjejas sekitar 150 hingga 200 billion Shekels bersamaan dengan 35 hingga 40 billion US Dollar. Selain itu, kesan intifadah kedua juga ialah 16 kilometer tanah yang berada di Gaza telah musnah dan mengakibatkan kerugian sebanyak 1.1 billion Dollar (Zainur Rashid, 2009, p.57).

Analisis

Antara isu yang sering menjadi dominan dalam konflik Palestin dan Israel adalah sempadan dan pembahagian tanah, perasaan emosi yang kuat mengenai konflik antara rakyat Palestin dan Israel, kebimbangan rakyat Palestin mengenai penempatan haram Israel di Tebing Barat, status Baitulmuqaddis, kebimbangan Israel terhadap keganasan sempadan yang selamat dan hak untuk kembali ke negara asal bagi pelarian Palestin (Gelvin & James, 2007, p.80).

Jika dilihat melalui perspektif Israel, kebimbangan utama adalah keselamatan, dan tokoh-tokoh utama Palestin dan institusi yang sebenarnya yang cuba untuk memerangi keganasan dan menggalakkan toleransi dan kewujudan bersama dengan Israel. Kebimbangan Israel ini adalah berdasarkan dokumentari dan bukti empirikal bahawa ramai pemimpin Palestin yang sebenarnya mengalakkan dan menyokong aktiviti kumpulan penganas. Pemilihan Hamas yang telah membuktikan pandangan ini. Di dalam piagam Hamas ada menyatakan bahawa ia tidak mengiktiraf hak Israel untuk wujud (Khaled Hroub, 2009, p.24). Walau bagaimanapun terdapat beberapa aktivis di Palestin yang mendakwa bahawa ada yang masih melihat beberapa tanda positif di pihak sebelah Palestin, dan Israel. Mereka menyatakan bahawa harus menggunakan peluang ini untuk memupuk interaksi positif dengan rakyat Palestin. Hal ini boleh dibuktikan dengan Sejak pertengahan bulan Jun 2007, Israel telah bekerjasama dengan pasukan keselamatan Palestin di Tebing Barat bagi membendung keganasan di bawah program tajaan Amerika Syarikat (Gelvin & James, 2007, p.81).

Selain itu pengaruh Zionisme turut menjadi punca peperangan ini berlanjutan hingga ke hari ini. Menurut al-Faruqi, gerakan yang dilancarkan oleh Theodore Herzl untuk menguasai tanah Palestin ini berteraskan politik Machiaveli dengan taktik ganas untuk merubah peta negara Palestin menjadi penempatan Yahudi. Hal ini dengan jelas dalam kenyataannya yang mengkritik dasar Zionisme yang membelakangi pertimbangan moral dan akhlak dalam tindakan mereka:

"Zionism's pursuit of this objective is thoroughly Machiavellian. Its singleminded purpose is given absolute priority over all considerations, including the moral." (Al-Faruqi, 2006)

Pengisytiharan negara Israel pada tahun 1948 telah meluaskan peranan Zionisme dalam percaturan politik di Tebing Barat dengan kekerasan ketenteraan yang dikerahkan untuk mengusir dan menghapuskan penempatan Palestin. Selain itu, tindakan mewar-warkan elemen-elemen penentangan serta protes daripada media massa. Ini disuarakan oleh al-Faruqi:

"It was after 1948 that Zionism uncovered its nature and began to operate in the open. Its plan was to empty Palestine of its native inhabitants and to occupy their lands, farms, homes and all movable properties. In so doing, Zionism was guilty of naked robbery by force of arms; of wanton, indiscriminate slaughter of men, women and children; of destruction of men's lives and properties." (Al-Faruqi, 2006, p.93).

Kemusnahan yang dicetuskan oleh kebiadapan Zionis ini dikedam keras oleh al-Faruqi, dengan perampasan wilayah dan perampokan ganas terhadap tanah, rumah dan harta yang dipusakai umat Islam secara sah. Namun dalam pemerhatiannya yang objektif, tindakan Zionisme ini dibezakan al-Faruqi dengan agama Yahudi, yang dianggap sebagai millah yang sah, seperti dijelaskan dalam makalahnya *"Islam and Zionism"* (1983) "Islam tidak menentang agama Yahudi dan memandangnya sebagai agama Tuhan. Islam menentang politik Zionisme dan tindakan Zionis." Tentangan terhadap gerakan Zionis ini turut disuarakan oleh pemikir Islam yang lain, seperti Muhammad Asad (asal Leopold Weiss) dalam bukunya *The Road to Mecca* (1954), yang menyuarakan kritikan dan bantahannya terhadap Zionisme, sewaktu berhujah dengan pemimpin Zionis seperti Chaim Weizmann:

"Jerusalem was an entirely new world to me...although of Jewish origin myself, I conceived from the outset a strong objection to Zionism. Apart from my personal sympathy for the Arabs, I considered it immoral that immigrants, assisted by a foreign Great Power, should come from abroad with the avowed intention of attaining to majority in the country and thus to dispossess the people whose country it had been since time immemorial".

Di samping itu, wujud kebimbangan pula bahawa Israel sebenarnya akan membolehkan masyarakat Palestin untuk muncul sebagai unit politik yang berdaya maju berdaulat, dan membenarkan kewujudan sebuah negara Palestin yang merdeka. Terdapat juga pelbagai sekatan ekonomi dan politik yang dibuat ke atas rakyat Palestin. Malah terdapat aktiviti, dan institusi yang mempunyai kesan menjejaskan ke atas ekonomi Palestin dan kualiti hidup disekat oleh Israel. Israel telah berkali-kali berkata bahawa sekatan ini adalah perlu kerana bagi menjamin keselamatan, dan untuk mengatasi usaha berterusan yang menggalakkan keganasan yang mengapi-apikan penentangan terhadap kewujudan dan hak sebagai sebuah negara Israel. Oleh itu, permintaan Israel untuk keselamatan lebih diutamakan berbanding tuntutan Palestin untuk kewujudan sebuah negara (Gelvin & James, 2007, p.83).

Tidak dapat dinafikan bahawa peranan negara Amerika Syarikat telah memberi sokongan kewangan dan ketenteraan kepada Israel selama beberapa dekad menyebabkan perjanjian damai sukar dipatuhi. Bantuan Amerika Syarikat kepada Israel itu melebihi jumlah bantuan asing yang diberikan oleh Amerika kepada negara lain. Pada tahun 2002, Amerika Syarikat mula menyediakan bantuan kewangan yang terhad kepada Pihak Berkuasa Palestin. Bantuan tersebut berjumlah kira-kira 100 juta dollar setahun, dan telah menggalakkan negara-negara Eropah untuk menyumbang serta membawa kepada jumlah sumbangan lebih daripada satu bilion dolar (Mahler & Mahler, 2009, p.59). Selain itu, Amerika mempunyai kuasa veto dalam Majlis Keselamatan PBB dan mampu untuk menyekat resolusi dan Amerika kerap membuat bantahan (Veto) resolusi yang mengkritik tindakan Israel (Mahler & Mahler, 2009, p.59).

Hubungan antara Amerika dan Israel tidak hanya untuk menjamin keamanan wilayah semata-mata akan tetapi Amerika memandang Israel sebagai satu sekutu yang strategik. Konflik Palestin-Israel selalu berakhir dengan ketidakpuasan pihak yang bertelagah kerana sukar untuk mencapai kemajuan dari setiap proses damai yang dilakukan dan keengganan dari Amerika untuk menggunakan pengaruhnya dalam memberi tekanan kepada Israel. Sentimen anti Israel menjadi penyatuan di wilayah Arab dan negara yang beragama Islam. Hal ini kerana Amerika dituduh hanya sebagai negara pengecam dan kehadirannya hanya untuk menyokong dan menjamin keamanan Israel. Sejak konflik Palestin-Israel tercetus, ia telah mempengaruhi kawasan negara jiran sehingga menimbulkan konflik yang lebih meluas dinegara-negara Arab lainnya seperti konflik Israel-Syria berkenaan tuntutan Israel mengenai dataran tinggi Golan, pengaruh Syria pada Hamas dan Iran menyokong Hizbullah di Lubnan (Catignani, 2008, p.70). Kesinambungannya adalah Amerika sebenarnya dapat berperanan di dalam memulakan proses damai konflik Palestina-Israel dan tidak harus berat sebelah dalam membuat keputusan dengan menyatakan sokongan perkembangan Israel terhadap Palestin di dalam mengamankan daerah sempadan

iaitu Jerusalem. Amerika sepatutnya membentuk penyelesaian perdamaian, dan merangka keselamatan jangka panjang di wilayah Tebing Barat. Sebaliknya, Amerika juga perlu menyokong Israel dalam menghadapi negara Arab dan Hamas ke arah yang lebih baik seperti mana dilakukan sebelumnya oleh Israel terhadap Jordan dan Mesir. Sebaliknya, Amerika boleh menekan Palestin dan Israel dalam melaksanakan proses damai, namun oleh kerana konflik Palestin-Israel ini dijadikan permasalahan yang strategik dan tentunya Amerika akan mencari kesempatan untuk mendapatkan kepentingannya atas konflik tersebut (Cordesman, 2005, p.93).

Meskipun pihak Amerika ingin memainkan peranan pentingnya di dalam perjanjian Camp David pada tahun 1978, perjanjian Oslo tahun 1993-2000 dan proses lanjutan perjanjian Camp David pada tahun 2000 serta proses perdamaian pada tahun 2002, keadaan ini telah mengeruhkan lagi proses perdamaian serta mengakibatkan konflik terhadap negara-negara Arab lainnya (Gilead, 2006, p.65). Beberapa Presiden Amerika Syarikat sejak akhir-akhir ini telah mengekalkan dasar bahawa Israel mesti menyerahkan beberapa wilayah yang telah ditawan dalam perang tahun 1967 dalam usaha untuk mencapai keamanan. Mereka juga berpendapat bahawa rakyat Palestin mesti aktif mencegah keganasan dan Israel berhak untuk wujud. Presiden Clinton dan George W. Bush secara terbuka menyokong penciptaan sebuah negara Palestin yang baru daripada kebanyakan wilayah Palestin itu (Gilead, 2006, p.66).

Sehubungan dengan itu, melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pula, sejak tahun 1967 hingga tahun 1989 Majlis Keselamatan PBB secara langsung telah mengeluarkan sebanyak 175 resolusi yang berkaitan dengan konflik Arab-Israel. Dari 175 resolusi yang telah dikeluarkan, 78 resolusi dapat dikategorikan resolusi yang neutral dan hampir separuh dari bakinya iaitu sebanyak 97 resolusi lainnya merupakan resolusi yang berkaitan dengan kritik dan pertentangan terhadap tindakan Israel yang merupakan "Penolakan", "Kecaman" dan "Celaan". Hingga saat ini *General Assembly* PBB telah mengeluarkan 429 resolusi yang bertentangan dengan penubuhan Israel. Selain itu, Israel telah membantah penolakan terhadap resolusi tersebut sebanyak 321 kali (Marwan Bishara, 2009, p.39). Namun, penolakan resolusi dari Israel tidak berdasarkan pada bab VII dari Piagam PBB kerana pihak perundangan menginterpretasikan resolusi tersebut tidak merangkumi keputusan oleh Amerika yang merupakan sekutu kuat Israel, di mana telah menggunakan kuasa veto untuk menghalang resolusi-resolusi tersebut dari diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB (Marwan Bishara, 2009, p.40).

Di dalam Bab VII dari Piagam PBB telah menekankan kuasa Majlis Keselamatan PBB untuk memelihara keamanan (UN Charter 1945). Pada bab VII tersebut Majlis Keselamatan dapat menentukan dan mengizinkan untuk mengambil tindakan keamanan dari segala bentuk ancaman, pelanggaran pada keamanan atau tindakan agresif "dan untuk mengambil tindakan ketenteraan dan bukan ketenteraan didalam "menciptakan keamanan dan perdamaian antarabangsa" (Efraim, 2008, p.56). PBB juga melalui Perhimpunan Agung (*General Assembly*) telah mengeluarkan beberapa resolusi penting bagi menyelesaikan konflik Israel-Palestin ini. Antara resolusi tersebut adalah pertama, pada 29 November 1947, Perhimpunan Agung PBB dengan majoriti 2/3 dari negara anggota pada waktu tersebut, telah mengeluarkan Resolusi UN Partition Plan 181. Resolusi PBB 181 merupakan resolusi mengenai rancangan pembahagian wilayah persengketaan antara Israel-Palestin. Partition Plan ini bertujuan untuk menyelesaikan konflik Arab-Yahudi melalui pembahagian wilayah negara Arab dan Yahudi, termasuk wilayah Jerusalem yang diantarabangsakan. Para pemimpin Yahudi umumnya menerima rancangan pembahagian wilayah dari PBB ini. Namun, para pemimpin Palestin Arab menolak rancangan ini dan juga mereka enggan untuk berunding mengenainya. Seluruh negara Arab, dan tentera dari Lebanon, Syria, Iraq, Mesir, Jordan, para kelompok perang Suci, Arab Liberation Army, dan tentera tempatan Arab segera melancarkan serangan ke Israel dan tidak mengiktiraf kemerdekaannya (Kurtzer, Lasensky & Organization, 2008, p.79). Kedua, pada 11 Desember 1948, PBB mengeluarkan Resolusi 194 mengenai hak pelarian Palestin untuk kembali, namun resolusi ini tidak diendahkan oleh Israel (Kurtzer & Lasensky, 2008, p.80). Ketiga, pada 11 Mei 1949, PBB mengeluarkan Resolusi 273 mengenai penerimaan Israel sebagai anggota PBB (Kurtzer & Lasensky, 2008, p.79).

Selain itu PBB melalui Majlis Keselamatannya turut mengeluarkan beberapa resolusi bagi menyelesaikan konflik ini. Antaranya ialah Majlis Keselamatan telah mengeluarkan Resolusi 242 pada 22 November 1967 mengenai penghentian semua tuntutan dari negara yang berkonflik dan pengakuan untuk menghormati negara yang berdaulat, serta kebebasan integritasi wilayah dan politik setiap negara di dalam wilayahnya. Seterusnya, negara-negara Arab bersetuju untuk menghentikan peperangan. Israel bersetuju agar negara yang berkonflik menarik semula pasukan tenteranya dari wilayah yang dituntut oleh pihak lain (Al-Faruqi, 2006, p.67). Pelaksanaan yang berlaku pada waktu tersebut adalah bahawa

Resolusi 242 tanggal 22 November tahun 1967 ini adalah untuk melakukan proses damai pada setiap pesengketaan yang ada dan sebagai usaha untuk menyelesaikan konflik Arab-Israel (<http://unispal.un.org/unispal.nsf/udc.htm>). Kedua, Resolusi 338 pada 22 Oktober 1973 mengenai gencatan senjata di dalam perang Yom Kippur (<http://unispal.un.org/unispal.nsf/udc.htm>). Ketiga, Resolusi 497 pada 17 Desember 1981 mengenai keputusan pencantuman wilayah Israel di Dataran tinggi Golan di Syria adalah tidak sah dan menuntut Israel untuk mengembalikan wilayah tersebut dengan segera (<http://unispal.un.org/unispal.nsf/udc.htm>). Terakhir, Resolusi 1559 pada 2 September tahun 2004 mengenai persetujuan Lubnan untuk menetapkan kedaulatannya atas seluruh wilayahnya dan mendesak Syria untuk mengakhiri kedudukan tenteranya di Lubnan dengan cara menarik pasukannya dan untuk berhenti campur tangan di dalam politik dalaman Lubnan (<http://unispal.un.org/unispal.nsf/udc.htm>).

Pendapat

Pada pandangan pengkaji, konflik Palestin dan Israel akan terus berlaku kerana Israel telah menyatakan bahawa Palestin merupakan tanah yang dijanjikan oleh Kitab Taurat ajaran Moses atau dalam Islam dikenali sebagai Nabi Musa. Israel akan menuntut tanahnya itu secara keseluruhan. Hal ini kerana bagi penganut agama Yahudi, tempat berdirinya Masjid Al-Aqsa merupakan tapak suci bagi penganut Yahudi membina semula Haikal Sulaiman. Haikal Sulaiman merupakan tempat ibadah bagi penganut Yahudi. Oleh itu, bagi Yahudi selagi tidak mendapat tapak untuk ibadah mereka, peperangan akan terus berlaku. Selain itu, peperangan akan terus berlaku kerana masyarakat Islam menyatakan bahawa Palestin adalah sebuah tempat yang suci bagi orang Islam. Buktinya, di Palestin merupakan kiblat pertama bagi orang Islam dan di Palestin juga terjadinya peristiwa Israk Mikraj. Semua itu berlaku di Jerusalem tapaknya Masjid Al-Aqsa. Perbezaan ideologi ini merupakan satu bentuk perbalahan yang dikatakan dominan kerana masing-masing ingin menuntut atas dasar agama mereka. Namun, bagi segelintir penganalisis konflik Palestin dan Israel menyatakan bahawa faktor agama bukanlah sebagai punca konflik ini terus berlangsung sehingga hari ini, tetapi di sebabkan kepentingan politik dan juga ekonomi. Di samping itu juga, dapat dilihat apabila beberapa bentuk diplomasi cuba dilakukan oleh kedua-dua belah pihak yang melibatkan Israel dan Palestin tidak mendapat kejayaan yang menyeluruh. Kesenambungan daripada itu, pihak ketiga iaitu Amerika Syarikat yang dikatakan menjadi sebagai *mediator* tidak memainkan peranan dengan baik sebagai penyelesaian terbaik. Malah, mempunyai kepentingan peribadi dan mengeruhkan lagi keadaan serta ketegangan kedua-dua belah pihak.

Kesimpulan

Walaupun terdapat beberapa siri peperangan lain yang lebih menonjol dalam tahun-tahun yang dinyatakan ini, keadaan pada masa tersebut merupakan peperangan yang boleh dikatakan menjadi perhatian oleh masyarakat umum dan ahli akademik. Kesenambungan satu demi satu membuatkan peperangan ini terus berlaku sehingga hari ini dan mungkin akan mempunyai lanjutan di masa hadapan. Persoalan yang timbul adalah dari dahulu sehingga kini, peperangan yang terus berlaku bermatlamatkan apa? konflik akan terus berlaku kerana tujuan antara Israel dan Palestin adalah tidak jelas. Namun, terpulang kepada individu atau penganalisis itu sendiri melihat bahawa konflik Palestin dan Israel dalam perspektif mereka. Selain itu, peperangan yang tiada penghujungnya akan terus berlaku sehingga masing-masing mencapai matlamat mereka dalam cara dan bentuk yang dikehendaki. Diplomasi merupakan satu gaya yang belum pasti menjanjikan keamanan antara kedua belah pihak manakala peperangan bukan merupakan satu jalan terbaik untuk mencapai kesejahteraan dan kelangsungan hidup masyarakat Arab dan Israel dalam konteks konflik Palestin dan Israel. Oleh itu, Perlu adanya realisasi dari apa yang telah disepakati dari pihak Israel mahupun Palestin sebagai komitmen untuk mencapai perdamaian. Israel harus menghentikan pembangunan penempatan haram di wilayah Palestin, dan mengakui sempadan wilayah seperti sebelum terjadinya perang pada tahun 1967.

Rujukan

- Adian Husaini (2004). *Pragmatisme dalam politik Zionis Israel*. Jakarta Selatan. Khairul Bayan.
- Al-Faruqi. I. (2006). *Reconstructing Jihad amid Competing International Norms*. New York. Springer
- Bar-Joseph. M. (2012) *Never-Ending Conflict: Israeli Military History*. New York. Stackpole Books

- Bishara, M. (2009). *Palestin/Israel : keamanan atau apartheid : pendudukan, keganasan dan masa depan*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Bregman, Ahron (2002). *Israel's Wars: A History Since 1947*. London: Routledge
- Catignani, S. (2008). *Israeli Counter-Insurgency and the two Intifadas: Dilemmas of a Conventional Army*. London. Routledge.
- Cordesman A. H. (2005). *Escalating to Nowhere: The Israeli-Palestinian War*. Washington. Center for Strategic and International Studies.
- Dietl. R. (2008). "Suez 1956: A European Intervention?". *Journal of Contemporary History*. Vol. 43, No. 2. Hlmn 259-278
- Efraim, I. (2008). *Israel's national security : issues and challenges since the Yom Kippur War*. New York. Routledge.
- Gelvin, J. (2007) *The Israel-Palestine Conflict: One Hundred Years of War*. London. Cambridge University Press.
- Gelvin, J. (2005). *The Israel-Palestine Conflict: One Hundred Years of War*. London. Cambridge University Press
- Gilead, S. (2006). *The Israeli-Palestinian peace negotiations, 1999-2004: within reach*. New York. Routledge.
- Harun Yahaya. (2002). *Israel and Palestine: Conflicting Histories*, London. Pluto Press
- Harun Yahyah. (2005). *Six Days in June: How Israel Won the 1967 Arab-Israeli War*. New York. Simon & Schuster
- Hilde, H. W. (2008). "Postscript to Oslo: The Mystery of Norway's Missing Files". *Journal of Palestine Studies* .38(1): 54-65.
- Jones, C. (2005) *Between Terrorism and Civil Wars: The Al-Aqsa Intifada*. London. Routledge.
- Hroub, K. (2009) *Hamas after the Gaza war*. Washington. Institute for Palestine Studies
- Kurtzer, D. C. & Lasensky, S. (2008). *Negotiating Arab-Israeli Peace: American Leadership in the Middle East*. New York. United States Institute of Peace Press.
- La Guardia, A. (2001). *Holy Land, Unholy War: Israelis and Palestinians*. London. John Murray.
- Lewis. B. (2014). *The Jews of Islam*. Princeton . Princeton University Press
- Mahler, G. S. & Mahler, A. (2009). *The Arab-Israeli Conflict : An Introduction And Documentary Reader*. New York. Routledge.
- Mahmud bin Bakyr (2003). *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Bandar Seri Begawan. Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei.
- Mideast Peace Conference (Geneva) under S/RES/338. Retrieved 15 November 2016, from <http://unispal.un.org/unispal.nsf/udc.htm>.
- Mideast situation - Syria - Draft resolution. Retrieved 15 November 2016, from <http://unispal.un.org/unispal.nsf/udc.htm>.
- Mideast situation/Elections in Lebanon, Restoration of territorial integrity, full sovereignty – Syrian reply to SecGen report - Note verbale from Syria. Retrieved 15 November 2016, from <http://unispal.un.org/unispal.nsf/udc.htm>.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2010). "Protecting non-muslim: Its implementation during early muslim rule of Islamic Jerusalem." *Al-Bayan –Journal of Quran and Hadith Studies*, 9: 209-222.
- Mohsen Mohammed Saleh (2002). *History of Palastine: A Methodical Study Of The Palastinian Struggle*. Kaheerah. Al-Falah Foundation.
- Pierre. J.P (2014). *Gaza: A History*. London. Oxford University Press
- Quandt, W. (2005). *Peace Process: American diplomacy and the Arab-Israeli conflict since 1967*. Washington, DC. Univ. of California Press.

- Rabinovich, A. (2017) *The Yom Kippur War: The Epic Encounter That Transformed the Middle East*. London. Schocken
- Reich, B. (1995). *Arab-Israeli Conflict and Conciliation: A Documentary History*. London. Greenwood Press.
- Sachar, H. M.(2013). *A History of Israel from the Rise of Zionism to Our Time*. New York. Alfred A. Knopf
- Samoha, S. (2002). The model of ethnic democracy: Israel as Jewish Democratic state. *Migrations and Nasionalism*, 8 (4). 484
- Schneer, J. (2010). *The Balfour Declaration: The Origins of the Arab-Israeli Conflict*. London. Random House Trade Paperbacks
- Schulze, K. E. (1999). *The Arab-Israel Conflict*. New York. Addison Wesley Longman Inc.
- Shemesh, M. (2007) *Arab Politics, Palestinian Nationalism and the Six Day War*. Sussex. Sussex Academic Press.
- Shlaim, A. (2014). *The Iron Wall: Israel and the Arab World*. New York. W. W. Norton & Company.
- Stein, K. W. (1999). *Heroic Diplomacy: Sadat, Kissinger, Carter, Begin, and The Quest for Arab-Israeli Peace*. London. Routledge.
- Tamari, S. (2017). *The Great War and the Remaking of Palestine*. California . University of California Press
- United Nation Security Council Resolution 242 (1967). Retrieved 15 November 2016, from <http://unispal.un.org/unispal.nsf/udc.htm>.
- Zainur Rashid bin Zainuddin. 2009. *Palestin Dijajah: Di manakah Solahuddinnya?*. Selangor. Aman Palestin Berhad.
- Zamri Zainal Abidin. (2010). *Peristiwa Bersejarah Ramadan*. Batu Cave. Pencetakan Zafar.